

PENYEBARAN DIALEK PATANI DI PERAK: ANALISIS GEOLINGUISTIK

(The Dissemination of Pattani Dialect in Perak: A Geolinguistics Analysis)

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel.: +603-89215254

Abstrak

Makalah ini bertujuan meneliti dialek Patani di Perak. Kesan penghijrahan sebilangan besar masyarakat Patani, akibat peperangan dan demi kelangsungan hidup mereka, telah menyebabkan wujudnya satu subdialek Melayu di Perak yang dikenali sebagai dialek Patani. Satu kajian lapangan telah dilakukan di 22 buah kampung di daerah Larut Matang Selama, Kuala Kangsar dan Hulu Perak yang melibatkan 156 responden yang mendapati wujudnya dialek ini. Kajian ini mengaplikasikan perisian Geographical Information System (GIS) yang dapat menjelaskan hubungan geografi dengan linguistik atau mudahnya geolinguistik. Secara tidak langsung, penyebaran dialek ini dikaitkan dengan faktor ruang dan bentuk muka bumi. Dahulunya, petempatan masyarakat Patani adalah di lereng bukit dan gunung kerana faktor keselamatan, tetapi kini mereka lebih terbuka dan berhijrah ke kawasan tanah pamah di sekitar Lenggong hingga berlaku interaksi dengan masyarakat setempat. Pertembungan ini telah berjaya menghasilkan beberapa leksikal baharu yang dikacuk bersama dialek tempatan seperti [muña] untuk “kamu semua”, [banta] untuk “bantal” dan [poh] untuk “opah” (nenek). Yang menariknya, didapati beberapa kata pinjaman dialek Perak digunakan dengan meluas dalam dialek Patani.

Kata kunci: Patani, GIS, dialek, ruang, geolinguistik, penyebaran

Abstract

This paper aims to examine the Pattani dialect in Perak. The impact of the migration of a large number of people from Pattani province due to ongoing war brought with it a subdialect in Perak known as the Pattani dialect. Field research on 22 villages carried out in Larut Matang Selama, Kuala Kangsar and Hulu Perak,

involving 156 respondents proved the existence of this dialect. This study employed the Geographical Information System (GIS) that relates geography and linguistics, or geolinguistics. The distribution of this dialect is linked to factors such as area and topography. Earlier on, the Pattani people settled near by the mountains for security, while nowadays they have become more open and have moved to the lowlands around Lenggong, where they interact with the locals. This encounter has formed new lexical items such as [muha] for "you all", and [banta] for "pillow", as well as loanwords such as [poh] from "opah" (grandmother). Interestingly, we found loanwords from the Perak dialect being used quite extensively in the Pattani dialect.

Keywords: Pattani, GIS, dialect, area, geolinguistics, distribution

PENDAHULUAN

Bahasa tersebar apabila berlaku pertembungan bahasa dan budaya. Bahasa yang terhimpun di dalamnya pelbagai subdialek memperlihatkan keunikan dan penjelasan yang menarik. Bahasa Melayu yang mempunyai subdialek seperti Perak, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor dan sebagainya telah mewarnai keragaman bunyi dan leksikal. Penyebaran ini bukan ditentukan oleh sempadan politik tetapi geografi. Dialek sebagai satu subbahasa yang mewakili bahasa tuturan sesebuah penduduk di satu-satu kawasan (Asmah, 1985). Collins (1983) mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dibezakan secara tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Tambahnya lagi, ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu dan dalam suasana sosial tertentu. Keterwakilan dialek yang dibentuk bagi sesebuah kawasan adalah berbeza dari suatu komuniti dengan komuniti yang lain. Buktinya, di Malaysia terdapat pelbagai dialek mengikut daerah seperti yang dikemukakan oleh Asmah (1985).

Makalah ini merupakan hasil daripada kajian multidisiplin yang menggabungkan linguistik (kajian dialek) dengan geografi serta ilmu sosial yang lain. Bentuk muka bumi atau topografi, sejarah, migrasi dan ruang dapat digemblengkan bersama fakta linguistik demi menjawab bagaimana dialek boleh tersebar. Penyebaran dialek yang dinyatakan di atas melangkaui sempadan geografi. Kajian ini juga ingin membuktikan bahawa pertembungan antara dialek akan mengukuh dan memperkaya dialek di sesuatu kawasan. Dalam kajian ini dapat dilihat bagaimana dialek Patani yang ternyata berbeza daripada dialek Kedah dan Perak telah bertapak di Perak dan akhirnya dapat berasimilasi dengan dialek tempatan. Penyebaran pelbagai dialek ini akan menggunakan teknologi GIS agar gambaran isoglos dan persempadanan dialek dapat dirakam dengan saintifik (Nor Hashimah *et al.*, 2013, 2014).

BENTUK MUKA BUMI PERAK

Menurut Raja Mukhtaruddin (1986), muara Sungai Perak sentiasa terbuka kepada penghijrahan. Malah ada penduduk asal negeri Perak yang berada di sepanjang Sungai Perak itu sendiri datang dari kepulauan Nusantara Sumatra. Hanya penduduk di daerah pedalaman dan di daerah ulu yang datang dari utara, iaitu tanah besar Asia. Yang dari daerah Ulu Perak adalah dari Patani yang sekarang di bawah takluk Thailand.

Kesannya, maka terhasillah penyebaran dialek lain seperti Patani di daerah Ulu Perak dan Larut Matang, dialek Kedah di daerah Taiping ke utara dan dialek Selangor di daerah Ipoh ke selatan. Oleh yang demikian, daerah-daerah yang boleh dikatakan betul-betul mewakili kawasan dialek Perak ialah Parit dan Kuala Kangsar (Asmah, 1993:219).

Negeri Perak merupakan antara negeri yang banyak bersempadan dengan negeri lain. Sebelah utara negeri Perak bersempadan dengan dua buah negeri, iaitu Kedah dan Seberang Perai, Pulau Pinang. Selain itu, negeri ini juga bersempadan dengan selatan negara Thai. Terdapat sebuah sungai yang bernama Sungai Kerian yang menjadi sempadan di antara negeri Perak dengan negeri Kedah. Aliran sungai itu mengalir ke Seberang Perai. Di sebelah utara negeri Perak juga terdapat hutan rimba yang tebal, iaitu letaknya di bahagian Hulu Perak. Di sebelah timur negeri Perak ini bersempadan dengan negeri Kelantan. Kawasan ini disempadankan dengan Banjaran Gunung Titiwangsa. Banjaran ini menjadi sempadan yang menceraikan negeri tersebut yang menganjur dari utara ke selatan. Muka bumi negeri di sebelah timur ini bergunung-ganang dan tanah tinggi yang semakin beransur rendah dan mendatar ke barat. Hutan tebal kebanyakannya terdapat di bahagian ini. Kebanyakan hulu-hulu sungai bermula dari sebelah bahagian timur negeri ini.

Di timur negeri Perak yang bersempadan dengan negeri Kelantan, terdapat sebuah banjaran gunung yang betul-betul dianggap sebagai sempadan yang memisahkan negeri tersebut dengan negeri lain. Banjaran tersebut ialah Banjaran Titiwangsa iaitu menganjur dari utara hingga ke selatan. Terdapat beberapa buah gunung yang tinggi, iaitu Gunung Kerbu (7160 kaki), Gunung Batu Putih (6993 kaki), Gunung Bergading (5381 kaki), Gunung Cabang (5616 kaki) dan Gunung Duri (5027 kaki) yang menjadi faktor penghalang terhadap penyebaran varian. Terdapat juga Banjaran Bintang yang menganjur dari selatan Thai dan merentasi negeri Perak. Menurut beliau lagi, muka bumi di sebelah timur ini bergunung-ganang dan tanah tinggi yang semakin beransur rendah dan mendatar ke barat. Hutan tebal kebanyakannya terdapat di bahagian timur, begitu juga kebanyakan hulu sungai bermula dari sebelah bahagian timur negeri Perak.

Bentuk muka bumi sebegini memberi pengaruh yang besar pada penyebaran dialek. Penyebaran dialek berlaku melalui ruang yang dikenali hari ini sebagai georuang (*geospatial*). Ternyata ruang-ruang ini memainkan peranan yang besar dalam penyebaran dialek di Perak.

FAKTOR SEJARAH: HUBUNGAN ANTARA SIAM, PATANI DAN PERAK

Teeuw dan Wyatt (1970) menempatkan Patani berada di puncak kegemilangan semasa pemerintahan raja-raja perempuan, dimulakan oleh Raja (H)Ijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning (1584–1688). Kemantapan kuasa politik istana yang diterajui oleh raja-raja perempuan ini dapat mengangkat Patani pada zaman kegemilangannya. Raja (H)Ijau terkenal sebagai raja perempuan yang bijak mengimbangi kuasa para pedagang Barat yang bertapak di pelabuhan Patani. Raja Ungu pula terkenal dengan beraninya sehingga disifatkan sebagai pahlawan wanita yang tidak gentar berdepan dengan musuh terutamanya tentera Siam. Raja Kuning terkenal sebagai usahawan wanita kepada sebuah Syarikat Perkapalan Diraja Patani yang ditubuhkan untuk mengendalikan pengurusan barangan eksport negeri Patani. Namun, zaman kegemilangan selama dua abad yang dinikmati Patani mula merosot selepas kedatangan kuasa asing. Pengaruh perdagangan dan penjajahan kuasa Barat yang menguasai selatan Semenanjung dan bertambahnya tekanan Siam terhadap Patani menyebabkan kegemilangannya semakin terhakis.

Ibrahim Syukri (2002) menyatakan bahawa serangan pertama yang dilancarkan oleh Siam terhadap negeri Melayu Patani adalah pada 1603. Serangan terus dilakukan pada 1634 secara besar-besaran yang turut digambarkan dalam *Hikayat Patani*. Akibat kegagalan dan kekalahan serangan inilah, maka raja-raja Siam menaruh dendam yang berlarutan untuk menghancurkan bumi Patani. Beberapa kali percubaan menawan Patani dilakukan pada 1671, 1679 dan 1709, tetapi Patani masih berdiri megah sebagai negeri Melayu yang merdeka. Kekuatan Patani mampu menangkis siri serangan tentera Siam mengangkat kewibawaannya sebagai kuasa Melayu yang terkuat di utara Semenanjung.

Akhirnya, semasa Patani mengalami zaman kemerosotan, buat pertama kalinya negeri Melayu ini kalah dalam serangan Siam kali kelima pada bulan November 1786. Walau bagaimanapun, Patani bangkit menentang Siam pada tahun 1789, 1791, 1808, 1832 dan 1838; tetapi kesemua percubaan itu menemui kehancuran. Pada pertengahan tahun 1786, raja Siam atau nama sebenarnya Kromma Phra Rathcawong Bovom Satan Mongkhol yang dibantu oleh empat orang panglima, iaitu Phraya Kalahum, Maha Uparat, Phya Senaputhon dan Gabenor Patalung menuju ke Patani dengan satu tujuan, iaitu menghancurkan umat Islam Patani. Patani yang



Rajah 1 Peta kawasan kajian.

(Sumber: Yusmaliza, 2014)

diperintah oleh Sultan Muhammad (1776–1786) berada dalam keadaan lemah dan sistem pertahanannya tidak dapat menangkis serangan Siam. Kota Patani berjaya dirobohkan oleh pihak Siam dan Sultan Muhammad mangkat dalam pertempuran. Umat Islam Patani menjadi mangsa kezaliman Siam. Mangsa peperangan, iaitu orang lelaki, perempuan tua dan kanak-kanak yang tidak berdosa telah ditawan beramai-ramai. Mereka kemudiannya telah dilambung dengan gajah dan dicampakkan ke atas tanah lalu dipijak sampai mati oleh sekumpulan gajah kepunyaan tentera Siam itu. Rakyat Patani yang menderita dengan kekejaman yang dilakukan oleh Siam terpaksa melarikan diri memasuki negeri-negeri Melayu utara Semenanjung, bahkan merantau jauh ke serata Nusantara.

Menurut laporan pada tahun 1780, penduduk Patani berjumlah 90 000 orang. Kekejaman itu menyebabkan seramai 15 000 orang melarikan diri ke Hulu Patani,

kemudian menyusur melalui Sungai Muda memasuki negeri Kedah. Kekejaman yang dilakukan oleh askar Siam menjadikan masyarakat Patani sentiasa berada dalam ketakutan dan kegelisahan. Demi menyelamatkan diri, mereka bertindak melarikan diri ke kawasan yang selamat seperti di negeri-negeri Melayu di utara. Mereka mencari tempat berlindung seperti di kawasan bukit dan gunung kerana mereka menganggap kawasan tersebut bebas daripada orang-orang Siam. Daerah Batu Kurau di utara Perak terkenal dengan penduduk yang terdiri daripada masyarakat Melayu Patani yang berhijrah kerana melarikan diri daripada peperangan yang berlaku di Patani.

Kesan peperangan ini telah membuka ruang kepada bertapaknya pengaruh Patani di Perak. Salah satu kawasan kajian yang mempunyai kesan dengan dialek Patani ialah Lenggong di Hulu Perak selain Batu Kurau.

Rajah 1 menunjukkan kawasan yang mempunyai pengaruh dialek Patani. Bentuk muka bumi disertakan bagi menjelaskan bagaimana faktor ruang memainkan peranan penting dalam penyebaran dialek ini. Dalam peta (Rajah 1) terdapat banjaran gunung yang memisahkan daerah Hulu Perak (HP) dan Larut Matang Selama (LMS). Didapati Sungai Perak dan Sungai Kerian memberikan pengaruh besar pada penyebaran dialek ini juga. Terdapat juga di sebelah timur kawasan paya besar yang tidak mempunyai penduduk kecuali sedikit masyarakat orang asli. Tumpuan kajian banyak di Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Selama.

Lenggong

Lenggong ialah kampung di timur laut daerah Hulu Perak. Daerah ini disempadani Thailand, Kedah dan Kelantan. Muka bumi di Lenggong terdapat pelbagai bentuk, iaitu bukit, sungai, paya dan tanah pamah. Daripada peta dalam Rajah 1, dapat dibayangkan ruang dan pola dialek yang dipertuturkan di kawasan ini. Lenggong terletak berhampiran dengan lembangan Sungai Perak, bersempadan dengan Kuala Kangsar, bandar diraja dan kawasan transisi dialek Melayu di Perak. Selain orang Perak, ramai orang Thai bermigrasi di Lenggong dan Hulu Perak dengan alasan peperangan dan penindasan. Mereka telah berpindah ke kawasan ini ratusan tahun dahulu. Selain lembangan sungai, kawasan ini juga dikelilingi oleh tanah tinggi Banjaran Titiwangsa di sebelah barat dan tanah paya di sebelah timur. Di kawasan inilah berkampungnya masyarakat Patani menggunakan dialek Patani. Ramai antara mereka bertumpu di kawasan sungai kerana faktor air, pengangkutan dan kesuburan tanah dan lebih sedikit memilih tanah pedalaman dan kaki gunung. Dari Lenggong ke Kuala Kangsar, bandar diraja Perak, terdapat banyak hutan tebal dan kawasan perladangan. Maka seolah-olah terdapat kawasan kosong yang kurang didiami oleh manusia. Keadaan ini menyebabkan komunikasi terputus dengan orang luar,

iaitu masyarakat bukan Patani. Ditambah pula, mereka menggunakan dialek Patani yang nyata berbeza daripada dialek Kuala Kangsar. Percakapan mereka kedengaran seperti orang Kelantan dan bukannya Perak. Perbezaan fonologinya sangat ketara untuk membezakan mereka dengan penutur dialek Melayu lain di Perak.


Responden kami, Pak Su ialah ketua kampung di Lenggong. Beliau merupakan orang kuat ahli Parlimen Lenggong dan aktif dalam politik. Beliau menjadi jurucakap bagi masyarakat Lenggong. Meskipun berdialek Patani pekat, beliau masih boleh berkomunikasi dengan masyarakat bukan Patani dengan fasih. Oleh sebab itu beliau menjadi jurucakap yang disegani.

Dalam temu bual, beliau banyak bercerita tentang bagaimana orang Patani berhijrah ke Lenggong dan bagaimana Lenggong mendapatkan namanya. Daripada sesi penceritaan itu, dapat disenaraikan beberapa perbezaan bunyi yang ketara milik dialek Patani dan bukannya dialek Melayu Perak. Antaranya:

- i. Semua bunyi akhir akan diakhiri dengan vokal separuh rendah belakang /ɔ/ dan vokal rendah /a/ dan seperti - [sukɔ, adɔ, mandʒɔ], [ragɔ, dɔŋɔ, pina].
- ii. Nasal velar di akhir kata digugurkan dan kadangkala digantikan dengan nasal alveolar /n/ - [kada-kada, dɔŋɔ, kupan, pina].
- iii. Mempunyai leksikon tersendiri seperti - [pina] pinang, [to^w?] - atok, [sipoh] – simpan, [moha] - kamu semua, [pɔh/ pɛʔ] – opah (lihat lampiran II).

Menurut Pak Su masyarakat Melayu Patani sukar memahami dialek Kedah. Ada peristiwa orang Patani sesat di hutan semasa berburu atau mencari hasil hutan dan termasuk di kawasan sebelah Kedah di Kampung Selama. Mereka gagal berkomunikasi dengan penduduk setempat dan begitu juga sebaliknya. Tanah tinggi yang memisahkan dua daerah ini menyebabkan komunikasi tergendala. Hal ini membuktikan bahawa ruang dan muka bumi memainkan peranan yang penting dalam penyebaran dialek.


Yang menariknya, perkataan gabungan antara dialek atau pembentukan leksikon ditemui. Sebagai contoh, ditemui gabungan beberapa dialek yang digunakan di utara Perak, iaitu di Larut Matang Selama (LMS), dan Kuala Kangsar (KK). Terdapat percampuran dialek antara dialek Kedah dengan dialek Perak, dialek Patani dengan dialek Perak. Yang menariknya, leksikon baharu tercipta terutamanya antara dialek Perak dengan Patani.



Rajah 2 Muka Lenggong dan Hulu Perak dan transkripsi dialek Patani.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini soal selidik dan rakaman temu bual dilakukan. Soal selidik diambil daripada 156 responden daripada 22 buah kampung di Larut Matang Selama dan Kuala Kangsar. Kajian juga turut dilakukan di Hulu Perak kerana ramai masyarakat Patani menetap di situ. Pak Su ialah informan utama kami (lihat Rajah 2 di atas). Responden terdiri daripada warga tua, dewasa, remaja dan kanak-kanak. Jumlah yang ditetapkan adalah sama, iaitu dalam lingkungan 40 responden bagi setiap kategori. Suara mereka dirakamkan bagi mendapatkan sebutan yang tepat. Temu bual dilakukan adalah untuk mendapatkan data yang lebih asli dan bersahaja. Peta dalam Rajah 3 merupakan nama kampung yang terlibat dalam kajian ini.



Rajah 3 Kawasan kajian.

Setelah data ditranskripsi, maka langkah selanjutnya adalah dengan memasukkan data dalam Excel dan seterusnya dalam perisian Geographical Information System (GIS). Hasil daripada teknik dalam GIS maka peta yang dikehendaki dapat dihasilkan. Rajah 4 ialah contoh pemindahan data dialek ke perisian Excel.

DATA “BANTAL”, “ULAR” DAN “AIR” – ANALISIS RERUANG, GIS DAN DIALEK


Terdapat tiga contoh data yang dipilih bagi memperlihatkan penyebaran dialek ini di KK, HP dan LMS. Data yang dipilih ialah “bantal”, “ular” dan “air”.

KAMPUNG	LEKSIKAL	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
1. KAMPUNG BELANG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
2. KAMPUNG SEMPENIH SEBERANG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3. KAMPUNG SEMPENIH CEMPAKA	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
4. KAMPUNG SERIANG AMPANG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
5. KAMPUNG AYER MUNDI	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
6. KAMPUNG AYER BELI	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
7. KAMPUNG SG. JAMBU	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
8. KAMPUNG BATA TIGA	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
9. KAMPUNG PADANG BOLA WU BAYUR	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
10. KAMPUNG TANJUNG LENGKONG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
11. KAMPUNG M. KAMBURAN	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
12. KAMPUNG PADANG BOLA TIBONG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
13. KAMPUNG SALAK	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
14. KAMPUNG BARI	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
15. KAMPUNG AYER TROUNG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
16. KAMPUNG BATA 12	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
17. KAMPUNG PATEM	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
18. KAMPUNG BO BIRAI	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
19. KAMPUNG SERUKAN	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
20. KAMPUNG PLAYU	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
21. KAMPUNG AYER HULU	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
22. KAMPUNG SELAMONG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
23. KAMPUNG PARET TENGAH	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
24. KAMPUNG LALANG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
25. KAMPUNG AYER KILAU	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
26. KAMPUNG SEMPANG PULAU	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
27. KAMPUNG LEAT	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
28. KAMPUNG LEAT TENGAH	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
29. KAMPUNG LEAT PULAU CEBU	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
30. KAMPUNG BANGGAL BELIBING	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
31. KAMPUNG TELUK BATT	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
32. KAMPUNG GELUK	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
33. KAMPUNG GULU BUKIT	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
34. KAMPUNG CEMEN	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
35. KAMPUNG BESU	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
36. KAMPUNG LENGKONG	1	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

Rajah 4 Data dalam Excel.

Data “Bantal”


Bagi data leksikal “bantal” terdapat empat varian yang digunakan di kampung yang tersenarai dalam daerah LMS, HP dan KK, iaitu [bantaj], [bantɛ], [bata] dan [bantɑ]. Varian yang tertinggi digunakan di LMS ialah [bantaj], iaitu dituturkan di 10 buah kampung daripada 12 yang dikaji. Jumlah tersebut menunjukkan peratusan sebanyak 83.3 peratus. Penggunaan varian leksikal kedua tertinggi ialah [bantɑ], iaitu sebanyak 66.7 peratus dan yang terakhir ialah [bata], iaitu mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 25 peratus. Masing-masing digunakan di lapan dan tiga buah kampung. Hal ini membuktikan bahawa di daerah LMS, varian yang lebih dominan dituturkan ialah [bantaj]. Varian tersebut menyamai sebutan dalam dialek Kedah. Kenyataan ini dapat dibuktikan kerana disenaraikan sebagai kosa kata dialek Kedah dalam buku *Glosari Dialek Kedah: Kosa Kata Dialek* (Ismail, 2003).



Rajah 5 Taburan leksikal “bantal”.


Varian [bante] pula walaupun mendapat peratus penggunaan lebih rendah berbanding [bantaj], namun jelas perkataan ini masih digunakan di LMS. Asmah (1985) menggolongkannya sebagai subdialek utara Perak. Varian tersebut memiliki ciri-ciri dialek Perak dan paling banyak dituturkan oleh masyarakat penutur di beberapa buah kampung. Menurut Raja Mukhtaruddin (1986), bunyi /al/ pada kedudukan akhir suku kata dalam sebutan standard digantikan dengan /ε/ dalam sebutan dialek Perak. Penggunaan [bante] di LMS menunjukkan wujudnya pengekaln dialek asal negeri Perak, iaitu dialek Perak asli. Selain dialek Kedah dan dialek Perak sendiri, terdapat satu lagi varian yang didapati memiliki pengaruh sebutan dialek Melayu Patani, iaitu [bata]. Hal ini jelas kerana disenaraikan sebagai kosa kata dialek Melayu Patani yang sering kali menggugurkan konsonan pada akhir suku kata (Ruslan, 2011). Malah, varian tersebut turut tersenarai sebagai sebutan bagi “bantal” dalam dialek Kelantan (Abdul Hamid, 1994).

Dalam Rajah 5, perhatikan bahawa kedudukan [bata] dikelilingi oleh kawasan pergunungan. Keadaan ini menyebabkan dialek Patani itu terhalang daripada tersebar ke kawasan lain. Berbeza daripada [banta]. [banta] ialah varian baharu yang tercipta hasil pertembungan dialek Patani dan Perak. [banta] tersebar di daerah yang lebih landai di sekitar Lenggong dan di utara Kuala Kangsar. Malah, kawasan ini yang berada di lembangan Sungai Perak, wujud kedua-dua varian [bante] dan [banta]. Di sini dapat dilihat bahawa faktor ruang seperti tanah tinggi, tanah rendah, dan sungai membantu menghalang atau menyebarkan dialek dan pada masa yang sama dapat membentuk leksikal baharu.




Rajah 6 Taburan leksikal “ular”.


Data “Ular”


Terdapat tiga varian bagi “ular”. Varian [ulɔ] ialah dialek Perak, [ulɔŋ] mewakili dialek Kedah dan varian [ulɔ] merupakan ciri sebutan dialek Melayu Patani. Menurut Abdul Halim suku Patani banyak juga terdapat di daerah Selama dan Batu Kurau. Varian dialek Melayu Patani banyak didapati taburannya di kedua-dua kawasan tersebut, iaitu di mukim Batu Kurau dan mukim Selama dan tersebar sehingga mukim Bukit Gantang. Taburan penyebarannya diwakili oleh simbol . Varian ini tidak diperoleh di mukim Trong, iaitu Kampung Baru, Kampung Padang Bola Trong dan Kampung Kubu Trong kerana terhalang oleh bukit bukau dan tanah tinggi. Begitu juga di daerah KK, didapati kewujudan penggunaan varian [ulɔ] hanya terdapat di kawasan atas KK yang menghala ke arah Hulu Perak yang sememangnya menurut Collins (1999), dipengaruhi oleh dialek Melayu Patani yang sangat kuat. Walau bagaimanapun, penyebarannya tidak sampai ke kawasan tengah-tengah KK yang berhampiran dengan pusat pentadbiran dan pekan KK yang sepenuhnya menggunakan dialek Melayu Perak.

Sekali lagi jika diperhatikan peta dalam Rajah 6. Pola penyebaran dialek Patani adalah serupa dengan yang tersebar bagi data “bantal”. Tanah tinggi merupakan penghalang kepada dialek itu untuk tersebar, tetapi tanah pamah dan sungai membantu penyebaran dialek. Maka ditemui varian [ulɔ] dan [ulɔ] bergandingan di Lenggong dan utara KK.

Data Air

“Air” mempunyai empat varian, iaitu varian [æ], [ajɔŋ], [ajɔ] dan [ɛ]. [ɛ] yang merupakan varian dialek Melayu Patani hanya digunakan di mukim Batu Kurau sahaja, iaitu di kawasan yang ditanda dengan simbol . Kawasan sekitar Batu Kurau yang dikelilingi bukit dan tanah tinggi membolehkan orang-orang Patani berlindung dan menjalankan kehidupan dengan lebih baik walaupun pernah bertelingkah dengan penduduk Melayu Perak tetapi kemudiannya mereka berdamai. Peta dalam Rajah 7 dengan jelas menunjukkan bentuk muka bumi Batu Kurau yang berbukit bukau. Namun, penyebaran varian sebutan [ɛ] langsung tidak berlaku di KK dan kawasan sekitar LMS yang lain.

Varian [æ] yang merupakan salah satu sebutan bagi kata “air” juga merupakan dialek Melayu Patani. Namun, varian tersebut turut memiliki persamaan bunyi dengan bahasa Melayu standard kecuali pada bunyi /r/ pada akhir suku katanya. Varian tersebut didapati banyak digunakan di beberapa buah kampung dalam daerah kajian yang diwakili oleh simbol . Di LMS, mukim Batu Kurau yang



Rajah 7 Taburan leksikal “air”.

menggunakan dialek Melayu Patani [ε] tidak pula menggunakan dialek Melayu Patani [ae]. Kawasan Trong, iaitu di Kampung Kubu dan Kampung Padang Bola tidak tersebar sebutan [ae] tersebut kerana terhalang oleh Gunung Ct. Orang Puteh dan bukit Tebok serta tanah tinggi yang lain.

Sekali lagi didapati kampung di Batu Kurau yang terkepung dek tanah tinggi menggunakan dialek Patani asli, iaitu [ε] dan tidak menggunakan [ajɑʔ] atau [ajɑ]. Peranan ruang inilah yang boleh menjadi penentu kepada kepelbagaian dialek yang tersebar. Jika diperhatikan, bagi kawasan tanah landai berhampiran sungai atau pusat pertembungan bahasa, lebih banyak ragam dialek yang ditemui. Oleh sebab itu, di KK dan kawasan sekitarnya didapati adanya pelbagai varian untuk “bantal”, “ular” dan “air”. Hal ini menggambarkan pertembungan masyarakat penutur yang aktif di kawasan ini. Tambahan pula KK ialah kawasan pusat pentadbiran diraja, pusat pelancongan dengan keadaan muka bumi yang landai dan subur. Faktor ini menjadi penyumbang kepada penyebaran dialek di Perak.

PENCIPTAAN LEKSIKAL BARU

Pertembungan bahasa (*language contact*) atau dalam kes ini pertembungan dialek telah memperlihatkan satu fenomena menarik berlaku di KK dan daerah sekitarnya. Untuk data “bantāl”, selain tiga varian di atas, terdapat satu lagi varian yang mempunyai ciri tersendiri, iaitu varian [banta]. Varian ini didapati memiliki percampuran antara ciri sebutan dialek Perak dengan dialek Patani. Dialek Patani lazimnya menggugurkan bunyi /l/ di akhir kata dan juga /n/ pada akhir suku kata pertama yang disebut sebagai [bata] (Ruslan, 2011). Dialek Perak pula mengekalkan rangkap konsonan di tengah kata. Varian [banta] mempunyai kedua-dua ciri tersebut. Bagi penutur di daerah KK, varian [bante] didapati mendominasi dengan mencatat peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 100 peratus berbanding dua varian yang lain, iaitu [banta] dan sedikit varian [bantaj] (25 peratus) yang dijumlahkan berdasarkan penggunaannya di kampung-kampung yang terdapat di KK. Sungguhpun jumlah penggunaannya sedikit, maklumat ini memberikan dapatan baharu kepada leksikal “bantāl”. Gabungan antara dialek Perak dengan Patani lahirlah [banta].

Selain penghasilan leksikal baharu, penutur Patani tetap mempunyai identiti tersendiri dengan menggunakan dialek mereka sebagai jati diri. Maka lahirlah leksikal [peʔ].

“nenek”,

[tanã]- “tanam”,

[taho/]- “buang”,

[awã]- “awang” (panggilan manja untuk lelaki),

dan banyak lagi (lihat lampiran II).

KESIMPULAN

Kajian dialek merupakan kajian yang menarik. Kajian dialek tradisional yang merakamkan perbualan responden dan pada masa yang sama membina isoglos bagi mewakili persempadanan dialek ternyata bertambah menarik apabila dilakukan analisis georuang dengan bantuan GIS (*geographical information system*). Kaedah menemu bual dan merakam masih penting, cuma maklumat data dimasukkan ke dalam perisian bagi mendapatkan maklumat dialek berserta peta topo kawasan kajian. GIS akan memproses maklumat yang dibekalkan, dan pada masa yang sama jawapan diberikan mengapa dialek Patani hanya hadir di satu-satu kawasan sahaja

dan bagaimana dialek Patani dapat berasimilasi dengan dialek tempatan sehingga menghasilkan leksikal baharu. Kesemua ini menjadikannya suatu kajian yang menarik, bersifat saintifik dan berwibawa. Jelas bahawa faktor sejarah dan ruwang memberikan penjelasan yang dicari selama ini. Hari ini kaedah GIS telah meluas dan meliputi semua bidang seperti perubatan, teknologi maklumat dan cuaca. Meskipun linguistik baharu mengaplikasikan teknologi ini tetapi diyakini kaedah ini akan banyak membawa inovasi kepada kajian dialek yang ada. Malah topografi yang lebih terkini akan lebih banyak memberikan maklumat kepada penyebaran dialek yang berlaku pada hari ini.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir, 1977. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Abdul Hamid Mahmood, 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins. J.T., 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins. J.T., 1999. "Negeri dan Bahasa: Sempadan Politik, Sempadan Linguistik" dlm. *Di Sekitar Konsep Negeri*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negeri Malaysia.
- Ismail Dahaman, 2003. *Glosari Dialek Kedah : Kosa Kata Dialek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Syukri. 2002. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Norli Safina Sanit, 2014. "Geolinguistics and Geospatial in Malay Dialect Study in the Riverfront Perak". Kertas kerja dibentangkan di International Seminar Malay Indonesia Linguistics pada 6 dan 7 Jun. Napoli, Italy.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar dan Mokhtar Jaafar. 2013. "Lexical Variation and Distribution in Perak Malay: A GIS Approach". Kertas kerja dibentangkan di South East Asia Linguistics Society pada 25 dan 27 Jun. Chulalongkorn University, Bangkok.
- Raja Mukhtaruddin, 1986. *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Ruslan Uthai, 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teeuw, A. dan Wyatt, D.K., 1970. *Hikayat Patani and the Story of Patani*. The Hague: Koninklijk Institut.
- Yusmaniza Yusoff, 2014. *Penyebaran Dialek Melayu di Perak: Pemetaan Menggunakan Aplikasi GIS*. Tesis Sarjana Program Linguistik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

TRANSKRIPSI DATA

Pak Su: Kampung Lenggong, Perak

[hat mana mayi səmalā] [təna səmalā dijə əyən kəlantan dəyipada usm]

[əyən kəlantan] [nama apə tulih dalam buku tu]

[katə kəlantan kat manə] [katə əyən tumpat] [tumpat kat manə] [dəkat bunuhan]

[sələlu batʃa surat xaba də? tʃyitə kəsah bunuhan] [əyən takut səbəna bunuhan bukan təmpat bunuh] [dijə bunuh ikan bunuh apə] [du? batʃa tu lə]

[maj maj du?] [paʔsu ambi? kəyəsi]

[səpeliŋ dijə] [na? edzə tu pajah taw] [jaŋ boleh ŋedzə dijə tu pərəpesər tadzul aripin]

[dəyipada usm] [dijə pandaj] [ni paʔsu təŋah tʃayɪ dijə pɔpə]

[tʃəntəh paʔsu katəkan əyən tu pensan səbəntar] [səkədʒap dijə pensan pahtu dijə səda]

[kitə katə] [əyən pətani katə səla? təkate] [duwə pəkataan səla? təkate]

[bukan təkati?] [təkate] [dijə dzatuh]

[dijə səpeliŋ dijə tu paʔsu tənə? tulisan dijə tu adə təlentəŋ adə təbale?]

[səla? təkate] [manə əyən jaŋ pitam] [pitam] ... [nila jaŋ dibawa? pərəpesər tadzul

aripin tu kəpadə paʔsu dan ahirŋa tadzul aripin pun ləŋap dah ta? timbul dah kanə dahdapat bəŋa? dah maʔlumat jaŋ paʔsu bəyi] ... [tu la tʃəntəhŋə] [bəŋa?] [a:] [paʔsu ni matʃam ni la] [a: tʃəntəh lagi na]

[kələbu kələlə] [ini ini əyən əyən pətani jaŋ ɡunə pəkataan ni] [dijə matʃam] [e: nə? ɡigenə ni kələbu kələlə] [kələbu kələlə ni sama sama] [tapi kitə ɡunəkan dijale? kitə]

[kələbu kələlə] [əyən kəlantan pun səbənər]

[dijə dzadi matʃam tu] [ni la paʔsu] [pərəpesər tadzul] [dijə itu la jaŋ paʔsu adə haŋə]

pəkataan bəɡandə matʃam katə dzatuh dzəyukən] [dzatuh dzəyukən] [ha ɡenə haŋ dzatuh dzəyukən] [maʔnə dzatuh təlentəŋ tətəyap] [dzə yu ken] [dzatuh dzəyukən]

[ləpəh tu matʃam katə kalaw kitə katə buwəh tu masām]

[aduh masām ni ta? boleh makan ni masām tapi oḡaḡ pətani katə] [ej: genə buwəh haḡbaḡi masām kija?]

[kitə ta? də pəkataan matʃam kəlantan makan jadi make abe dale əre]

[kitə ta? ḡunə buḡni matʃam tu] [oḡaḡ pətani katə ḡaya oḡa maka səḡa] [dijə pəkataan dijə a a a gitu] [dijə tida? adə e e ta? da?] [itu oḡaḡ pətani la tu] [masā] [masā kija?]

[paʔsu ni kalu] [hat ni jaḡ paʔsu du? təḡiḡin saḡat na? tʃəḡitə bilə paʔsu səbut katə]

[he na? edzə matʃam manə] [na? edzə sija matʃam manə] [kami paḡḡe oḡaḡ paḡḡe

maḡko? teḡkat] [kitə səbut sija] [sija] [ləpeh tu satu pəḡeḡə? dijə tʃəki? di lehe dijə

tʃəki? dijə adə pənutup dijə gitu] [kəmudijaḡ dijə dʒadi] [ha kitə sini paḡḡe əh ḡəḡeseḡ]

[ḡəḡeseḡ] [ḡeseḡ] [kalə oḡaḡ kədəh katə ḡayaḡiā?] [dijə buḡni gitu pəla?] [kalə oḡaḡ tu oḡaḡ kədəh] [səbut ḡəḡeseḡ ta? pəndə] [dijə buḡni pəkataan matʃam tu]

[ḡəḡeseḡ] [ḡəḡe seḡ] itu la dijə pəkataan hat səbutan bəḡandə jaḡ digunakan tapi

səkaḡaḡ ni baḡi paʔsu ta? pəḡəḡəh dəḡar dah budə? budə? bətʃakap pəkataan bənda

matʃam nij] [pasaj budə? budə? səkaḡaḡ dah didədəhkan dəḡan tʃakap wa lə apə ləbet

lə apə səmuə] [bəndə bəndə matʃam ni jadi paʔsu nij bəḡasə sajaḡ saḡat kəpadə budajə

pətʃakapan oḡaḡ sini]

Responden: Razali (Pak Su)

Tempat: Kg. Lenggong, Lenggong, Kuala Kangsar

(Hulu Perak)

Kosa Kata Pengaruh Dialek Patani di Lenggong

No.	Dialek	Makna (Bahasa Melayu Standard)
1.	[pɛʔ]	“nenek”
2.	[tɔʔ]	“atuk”
3.	[bəɖʒəʔe/]	“petanda hujan bakal turun di gunung”
4.	[bokit]	“bukit”
5.	[kəyabat]	“panjang bukit”
6.	[hijɔ]	“hijau”
7.	[tanã]	“tanam”
8.	[ulɛh]	“boleh”
9.	[tuŋũ]	“tunggu”
10.	[əmiʔ]	“ambik”
11.	[musã]	“musang”
12.	[kəliʔ]	“balik”
13.	[bəyi]	“memberi/ bagi”
14.	[məɖʒəliɦ]	“majlis”
15.	[kənuɣi]	“kenduri”

16. [lantɛ]	“lantai”
17. [aɛ]	“air”
18. [tiŋga]	“tinggal”
19. [səsɯwe]	“sesuai”
20. [məniŋga]	“meninggal”
21. [atɛh]	“atas”
22. [awã]	“awang” (panggilan manja untuk lelaki)
23. [kədə]	“kedai”
24. [piŋã]	“pinggan”
25. [pɑdi umo]	“padi huma”
26. [ʏɑdʒɑ]	“kerja”
27. [aʝã]	“ayam”
28. [dʒɑtoŋ]	“jantung”
29. [tɑhoʔ]	“buang”
30. [dɑŋ]	“pondok dusun”
31. [ʏɑmɛ]	“ramai”
32. [ʊmɑnɑh]	“amanah”
33. [mɑlã]	“malam”
34. [pɑndɛ]	“pandai”
35. [ʃɔʏɑdiʔ]	“cerdik”
36. [ɲəlɔse]	“menyelesaikan”
37. [kəbɔ]	“kerbau”
38. [mikɔ]	“kamu”
39. [demɔ]	“mereka”
40. [kəlɑʝi]	“bergaduh”

41. [pɔʔ]	“bapak”
42. [ʃɔŋɛ]	“garang”
43. [gulɛ]	“gulai”
44. [təkape kape]	“terkapai-kapai”
45. [ikɔʔ gi]	“ikut pergi”
46. [ɣəbɔh]	“rebus”
47. [kətɔʔ]	“kentut”
48. [baɣuh]	“bagus”
49. [ɡələʔ]	“gelap”
50. [katɔʔ]	“ketuk”
51. [kətiʔ]	“gigit / patuk”
52. [nataŋ]	“benda”
53. [hãtu]	“hantu”
54. [dʒatəŋ]	“jantung”
55. [taʔ ʔmbɔh]	“tak mahu”
56. [tuɣəŋ]	“turun”
57. [səbulaŋ]	“sebulan”
58. [paʔ mənakan]	“bapa saudara”
59. [tɔʔ mudəŋ]	“tok mudim”
60. [hukəŋ]	“hukum”